

dan pusat penyelidikan masing-masing,” ujarnya. Sokongan daripada pelbagai

Beliau yang juga penyeliik utama pusat tersebut berkata, di UTHM, hanya terdapat

Dalam masa yang sama, empat paten berkenaan teknik baharu penghasilan bahan nano

yang telah berjaya di perkenal kepada mahasiswa MiNT-

MiNT-SRC ikut formula Jepun

SISTEM penyelidikan yang diamalkan di MiNT-SRC adalah merupakan sistem berkumpulan *kohza*, iaitu sistem yang diamalkan di makmal-makmal penyelidikan di Jepun.

Menurut **Prof. Madya Dr. Nafarizal Nayan**, menerusi sistem tersebut, kesinambungan penyelidikan dapat dilaksanakan dan ini akan membantu ke arah menghasilkan produk yang lebih berimpak tinggi dan seterusnya menghasilkan penerima Hadiah Nobel seperti di Jepun.

Walau bagaimanapun, beliau melihat masih terdapat beberapa kekangan yang paling utama bagi penyelidikan teknologi nano tempatan antaranya termasuklah berkenaan fasiliti-fasiliti nano yang tidak terdapat di beberapa universiti masing-masing.

“Kekangan bajet universiti sedikit sebanyak telah mengehadkan pakar-pakar nano tempatan untuk terus mengembangkan ilmu yang di peroleh di peringkat PhD di luar negara,” ujarnya.

Namun, penubuhan Direktoriat Nanoteknologi Kebangsaan bawah Kementerian



BARISAN penyelidik yang menjadi tonggak kejayaan MiNT-SRC, UTHM.

Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) merupakan inisiatif yang sangat baik sekiranya dapat menyediakan kemudahan umum berkaitan nanoteknologi yang dapat dikongsi dengan semua penyelidik nano tempatan.

Ini katanya, sangat penting untuk menjimatkan kos perolehan peralatan nanoteknologi yang terlalu tinggi sehingga mencecah jutaan ringgit.

“Negara-negara maju seperti

Jepun juga mengamalkan sistem yang sama yang dipanggil sebagai Platform Nanoteknologi iaitu peralatan teknologi nano yang terdapat di beberapa universiti dipusatkan bawah satu pengurusan sahaja.



MIKROSKOP imbasan elektron, merupakan peralatan wajib bagi bidang teknologi nano.

Satu platform tunggal juga penting agar penyelidik yang mempunyai minat dan hala tuju yang sama dapat mengenali antara satu sama lain dan bekerjasama menghasilkan produk nano yang lebih baik.

Katanya lagi, sepanjang tahun ini, beliau telah melawat beberapa pusat penyelidikan nano di Arab Saudi dan Indonesia.

Mereka katanya, sangat

kagum dengan kemudahan yang terdapat di negara ini dan sangat berminat untuk berkerjasama dengan penyelidik pakar nano di MiNT-SRC dan Malaysia secara umumnya.

“Oleh demikian, saya melihat masa depan teknologi nano di negara ini sangat cerah untuk menjadi pusat perkembangan ilmu bidang berkenaan di sekitar rantau negara Asia Tenggara dan negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC),” ujarnya.